



09 APR, 2020

Harumanis Perlis dijual dalam talian

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Harumanis Perlis dijual dalam talian

Kangar: Permintaan terhadap mangga Harumanis ketika ini memberangsangkan, meskipun negara menjalani tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan COVID-19.

Pengusaha Harumanis, Azme Ishak, 64, berkata setakat ini permintaan terhadap buah berkenaan begitu tinggi dan penjualan kini dilakukan secara dalam talian.

Beliau berkata, pada peringkat awal pelaksanaan PKP, dia turut terkesan apabila peraih perlu menanti waktu tamat pelaksanaannya jika mereka mahu mengangkut buah dari ladangnya.

"Memang bertahun peraih mengambil secara langsung di ladang, cuma kali ini memang ada kesan sedikit kerana pelaksanaan PKP, selain undang-undang begitu ketat.

"Kalau ada yang menempah pun, mereka adalah pelanggan tetap dan kini saya sedang memulakan penjualan secara dalam talian dan bersyukur setakat ini belum timbul isu lambakan buah, selain harganya masih stabil iaitu antara RM23 ke RM25 bagi sekilogram jika diambil terus dari ladang," katanya ketika ditemui di ladangnya dekat Santan, semalam.

Seorang lagi pengusaha, Mohd Fairus Abdul Razak, 35 berkata penjualan Harumanis dalam talian ketika PKP begitu memberangsangkan dan pulangan hasil jualannya juga lumayan.



Azme di ladang harumanis miliknya di Santan, Kangar.

"Tidak dinafikan pada peringkat awal pelaksanaan PKP dulu, ramai pelanggan membatalkan tempahan.

"Namun selepas seminggu menjalani PKP, pelanggan sudah mula mencari dan bertanyakan kembali jika Harumanis masih boleh ditempah. Sejak itu boleh dikatakan hampir setiap hari saya ke syarikat penghantaran bagi menghantar tempahan," katanya ketika dihubungi.

Tinjauan *BH* di beberapa pusat jualan Harumanis sekitar Arau dan Chuping, Padang Besar mendapati semuanya tidak beroperasi, selain lengang tanpa seba-

rang kehadiran pengunjung.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Nurulhisham Yaakob, berkata setiap tahun sekitar 2,000 hingga 2,200 tan Harumanis dijual dan dihantar ke negeri lain.

Katanya, pada tahun ini pengeluarannya dijangka bertambah hingga melebihi 3,000 tan memandangkan permintaan dari negeri lain saban tahun meningkat.

"Tidak timbul isu lambakan memandangkan setiap tahun kerajaan negeri bersama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutu-

an (FAMA) dan Jabatan Pertanian akan bertemu pengusaha bagi membantu menjual buah mereka.

"Sememangnya kita menggalakkan mereka menjual buah secara dalam talian memandangkan pelaksanaan PKP sedikit sebanyak memberi kesan kepada pengusaha terutama bagi mereka yang masih menjualnya secara tradisional," katanya.

Beliau berkata, pihaknya yakin semua buah berkenaan dapat dijual kerana sehingga kini bekalan Harumanis dari Perlis tidak mencukupi bagi menampung pasaran tempatan.



09 APR, 2020

Harumanis Perlis dijual dalam talian

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Kangar: Permintaan terhadap mangga Harumanis ketika ini memberangsangkan, meskipun negara menjalani tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan COVID-19. Pengusaha Harumanis, Azme Ishak, 64, berkata setakat ini permintaan terhadap buah berkenaan begitu tinggi dan penjualan kini dilakukan secara dalam talian. Beliau berkata, pada peringkat awal pelaksanaan PKP, dia turut terkesan apabila peraih perlu menanti waktu tamat pelaksanaannya jika mereka mahu mengangkut buah dari ladangnya.